

05 MAY 2002

Syed Hamid-Singapura

M'SIA TIDAK BERALAH DALAM ISU TERTANGGUH, KATA SYED HAMID

PETALING JAYA, 5 Mei (Bernama) -- Kesediaan Malaysia untuk menyelesaikan segera isu-isu tertangguh seperti yang diminta oleh Singapura selagi republik itu sanggup bertolak ansur tidak boleh dianggap sebagai petanda bahawa negara ini memilih untuk beralah.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar menegaskan isu-isu berbangkit antara kedua-dua negara tidak boleh dibiarkan tertangguh dan perlu diselesaikan segera bagi menjamin jalinan hubungan yang berterusan antara kedua-dua negara.

Pada masa yang sama Malaysia juga tidak berhasrat untuk membuat tuntutan tambahan dalam pakej baru mengenai isu-isu berbangkit yang telah pun dirangka dan dipersetujui oleh kedua-dua negara, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) peringkat negeri Selangor di sini hari ini.

Syed Hamid berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam surat balasannya kepada Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew telah menerangkan pendirian Malaysia mengenai apa yang perlu diselesaikan secara bersama antara kedua-dua negara.

Malaysia juga telah menerima maklumat balas daripada Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan sedang mengkajinya sebelum rundingan pada peringkat menteri dan pegawai dimulakan.

Syed Hamid menjelaskan beliau turut menghubungi rakan sejawatnya di Singapura dan berharap maklumat balas akan dapat diterima selewat-lewatnya pada hujung bulan ini.

Antara isu-isu yang masih tertangguh antara kedua-dua negara ialah bekalan air, kemudahan kastam, imigresen dan kuarantin di Singapura, pembangunan semula tanah milik Keretapi Tanah Melayu Bhd dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura.

"Kita mahu adakan perbincangan peringkat menteri dan pegawai mengenai isu-isu yang berbangkit. Dan kita akan minta pandangan Perdana Menteri masing-masing sekiranya perlu," katanya.

"Kita nampak semacam ada minat (daripada Singapura) mencari penyelesaian kepada masalah ini, dan kita percaya sekiranya ada semangat terbuka dan semangat untuk mencapai penyelesaian, kita akan dapat mengatasi apa jua masalah yang akan timbul," katanya.

Bagaimanapun, mengenai kerja-kerja penambakan laut oleh Singapura, Syed Hamid berkata ia merupakan satu isu yang memerlukan pendekatan yang berlainan.

Menurutnya walaupun Malaysia bersetuju dengan pandangan Singapura bahawa aktiviti yang dijalankan dalam kawasannya sebagai hak kedaulatannya, namun republik itu perlu mengambil kira pandangan dan rasa khuatir Malaysia dalam hal itu.

Ini kerana aktiviti yang dijalankan di Selat Johor, yang memisahkan kedua-dua negara itu akan menjejaskan laluan masuk perkapalan ke Pelabuhan Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas serta memudaratkan alam sekitar, kata Syed Hamid.

Syed Hamid berkata pada dasarnya Malaysia telah mengemukakan laporan yang mencukupi untuk menyekat Singapura daripada meneruskan aktiviti penambakan tetapi tidak diendahkan oleh Singapura yang tetap mahu Malaysia mengemukakan laporan teknikal yang lengkap.

"Kita hanya mahu Singapura menghentikan aktiviti itu buat sementara waktu, sementara kita menyiapkan penilaian teknikal secara terperinci

seperti apa yang mereka mahukan, tetapi mereka tidak mahu, " katanya.

-- BERNAMA

WNZ ZS PR